



USM
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



POLISI PEMBERI MAKLUMAT

2010 (SEMAKAN 2025)



Universiti Sains Malaysia

POLISI PEMBERI

MAKLUMAT

2010

(SEMAKAN 2025)

POLISI PEMBERI MAKLUMAT UNIVERSITI

1. Pengenalan

- 1.1. Tujuan polisi ini adalah untuk menegakkan nilai-nilai integriti tertinggi di kalangan pekerja dan pelajar Universiti selaras dengan Ikrar Integriti Universiti dengan menggalakkan dan mempermudah pendedahan terhadap kelakuan warga Universiti yang tidak wajar dan pengawalan akaun yang menimbulkan keraguan serta amalan di Universiti berkaitan dengan urusan dalaman Universiti. Polisi ini bertujuan untuk melindungi pekerja dan Pelajar Universiti yang mendedahkan maklumat penting kepada Universiti agar mereka terhindar daripada dikenakan tindakan yang memudaratkan mengikut Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 Universiti (Akta 711) dan Perlembagaan Universiti.
- 1.2. Satu aspek penting dalam akauntabiliti dan ketelusan adalah mekanisme yang membolehkan pekerja dan Pelajar Universiti menyuarakan kebimbangan mereka dengan cara yang bertanggungjawab dan berkesan apabila mereka mendapati/menjumpai maklumat yang dipercayai serta yang menunjukkan terdapat kesalahan dan penyelewengan yang serius.
- 1.3. Polisi Pemberi Maklumat Universiti adalah asas untuk mengekalkan dan memelihara integriti staf dan pelajar Universiti. Polisi ini menguatkan lagi nilai yang diletakkan pada pekerja dan pelajar untuk menjadi ahli yang jujur dan dihormati oleh individu-individu dalam profesion masing-masing. Polisi ini menawarkan perlindungan kepada Pemberi Maklumat daripada penganiayaan, gangguan atau prosiding tatatertib.
- 1.4. Selaras dengan Perlembagaan Universiti, Polisi ini menggalakkan pekerja dan Pelajar Universiti untuk tampil ke hadapan dengan maklumat yang boleh dipercayai mengenai amalan yang menyalahi undang-undang atau pelanggaran polisi Universiti. Polisi ini juga melindungi individu yang tampil ke hadapan untuk memberi maklumat agar mereka dihindari daripada penganiayaan di atas sebab pemberi maklumat tersebut.

2. Skop

- 2.1. Polisi ini meliputi semua urusan Universiti dengan sektor awam dan swasta dan terpakai kepada semua pekerja serta pelajar Universiti yang berdaftar. Polisi ini juga turut meliputi pelawat, kontraktor dan / atau mana-mana pihak yang mempunyai hubungan perniagaan atau akademik dengan Universiti.
- 2.2. Mana-mana individu boleh mendedahkan apa-apa salah laku yang telah disedari olehnya atau dengan niat baik beliau percaya bahawa seseorang atau beberapa orang telah terlibat, sedang terlibat atau akan terlibat di dalam tingkah-laku yang tidak wajar.
- 2.3. Polisi ini tidak terpakai kepada rungutan mengenai terma-terma, pekerjaan individu, prestasi atau rasa tidak puas hati yang peribadi. Sekiranya

POLISI PEMBERI MAKLUMAT UNIVERSITI

ditentukan semasa penyiasatan awal bahawa perkara yang dinyatakan tidak termasuk di dalam skop Polisi ini, maka perkara tersebut akan dipindahkan ke jabatan yang berkaitan, seperti Ombudsman atau Pejabat Perundangan untuk diambil prosedur dan tindakan yang sesuai.

3. Tatacara

- 3.1 Pekerja dan pelajar Universiti boleh melaporkan maklumat secara rahsia kepada Ombudsman atau Penasihat Undang-Undang Universiti. Maklumat hendaklah dilaporkan secepat mungkin apabila individu itu menyedari fakta asas tentang potensi ketidakaturan. Seseorang individu yang melaporkan maklumat itu perlu bersedia dengan maklumat yang sebanyak mungkin untuk memastikan bahawa perkara itu boleh disiasat dengan baik. Universiti menggalakkan Pemberi Maklumat untuk memberikan maklumat diri kerana laporan tanpa nama tidak akan diambil secara serius dan tidak akan disiasat sepenuhnya. Walaubagaimanapun, keberkesanan sebarang pertanyaan oleh pemberitahu maklumat mungkin terhad apabila seseorang individu yang memilih untuk namanya tidak diumumkan atau dikenal pasti.
- 3.2 Ombudsman atau Penasihat Undang-Undang hendaklah membuka dan menyelenggara fail terhadap setiap aduan berkenaan dakwaan ketidakaturan ini. Jika Ombudsman atau Penasihat Undang-Undang menentukan bahawa maklumat itu boleh dipercayai, maka Ombudsman atau Penasihat Undang-Undang hendaklah meneruskan siasatan itu mengikut tatacara yang ditetapkan dalam Polisi ini.
- 3.3 Seseorang yang mendapat perlindungan akan bebas daripada sebarang tindak balas, ugutan, gangguan, atau tindakan lain yang tidak baik kerana melaporkan maklumat mengikut Polisi ini. Jika terdapat tindak balas, maka beliau hendaklah segera melaporkan perkara ini sebagai satu pelanggaran mengikut ketetapan Polisi.
- 3.4 Mana-mana individu dalam Universiti yang membalas dendam terhadap individu lain yang melaporkan kesalahan secara jujur atau, seseorang dengan niat yang baik, telah bekerjasama dalam penyiasatan sesuatu kesalahan, maka individu tersebut boleh dikenakan tindakan disiplin, termasuk dibuang kerja.

3. Tujuan Penyiasatan

- 3.1 Proses mengumpul semua maklumat, dokumen dan bahan-bahan bukti untuk menyokong penemuan dan kesimpulan penyiasatan.
- 3.2 Untuk melindungi dan memelihara dokumen dan bahan-bahan yang penting di dalam kes.

POLISI PEMBERI MAKLUMAT UNIVERSITI

- 3.3 Untuk melayan semua saksi dan individu tertuduh dengan adil dan saksama.
- 3.4 Untuk mengeluarkan objektif dan penemuan tidak berat sebelah dan kesimpulan.
- 3.5 Untuk mengekalkan kerahsiaan identiti Pemberi Maklumat pada setiap masa.

4. Terma Rujukan

Terma Rujukan hendaklah menetapkan tarikh di mana siasatan perlu dibuat kesimpulan ataupun perlu dihentikan dan laporan yang dikemukakan, sumber yang ada kepada penyiasat dan jadual laporan perkembangan atau taklimat yang akan dibuat, diberikan kepada kepada Naib Canselor

5. Penjalanan Siasatan

- 5.1 Ombudsman atau Penasihat Undang-Undang boleh menemubual Pemberi Maklumat untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai laporan yang dibuat oleh Pemberi Maklumat.
- 5.2 Ombudsman atau Penasihat Undang-Undang hendaklah menemubual semua saksi berkenaan dan mengumpul segala maklumat yang berkaitan dan bahan-bahan daripada semua sumber.
- 5.3 Semua temuramah dan aktiviti hendaklah didokumenkan secara bertulis dan difailkan untuk tujuan rekod bagi menyokong penemuan dan kesimpulan penyiasatan.

6. Laporan Penyiasatan

Laporan penyiasatan hendaklah mengandungi perkara seperti berikut;

- 6.1 Dakwaan terhadap kelakuan yang tidak sepatutnya.
- 6.2 Status bagi semua maklumat yang berkaitan dikumpulkan dalam perjalanan proses penyiasatan itu.
- 6.3 Transkrip, rekod, penyata, dokumen atau apa-apa bukti lain yang dikumpul.
- 6.4 Kesimpulan yang dicapai selepas selesai penyiasatan itu.
- 6.5 Cadangan yang muncul daripada kesimpulan. Ombudsman dan Penasihat Undang-Undang perlu berhati-hati supaya tidak memberikan butir-butir maklumat yang boleh membawa kepada pengenalpastian Pemberi Maklumat.

POLISI PEMBERI MAKLUMAT UNIVERSITI

7. Melaporkan kepada Penguatkuasa

- 7.1 Apabila selesai penyiasatan aduan, laporan bertulis akan diberikan oleh Ombudsman atau Penasihat Undang-Undang kepada Naib Canselor yang menerangkan mengenai aktiviti-aktiviti yang boleh dipersoalkan, apa-apa liabiliti kewangan yang ada atau yang akan datang, apa-apa jenayah yang berkemungkinan berlaku, pelanggaran polisi atau sivil dan maklumat penting yang lain.
- 7.2 Jika laporan itu menyimpulkan bahawa terdapat merit terhadap aduan yang dilaporkan, maka dalam laporan tersebut perlu disertakan dengan cadangan penyelesaian dan/atau tindakan disipilin.
- 7.3 Jika tindakan tatatertib terhadap seseorang pekerja disyorkan, justeru sebelum melaksanakan cara penyelesaian ini, Naib Canselor hendaklah dimaklumkan dan meluluskan tindakan sedemikian.
- 7.4 Naib Canselor mengikut budi bicaranya, boleh mendapatkan nasihat daripada Penasihat Undang-Undang dan / atau merujuk kepada pihak berkuasa yang berkaitan untuk tindakan sivil atau jenayah yang lanjut.

8. Kerahsiaan

- 8.1 Universiti hendaklah menganggap semua pendedahan yang dibuat di bawah Polisi ini dengan keyakinan yang tegas. Identiti pekerja yang membuat pendedahan itu (Pemberi Maklumat) tidak akan didedahkan melainkan jika dikehendaki oleh undang-undang.

9. Perlindungan Terhadap Tindak Balas

- 9.1 Pihak Universiti akan melindungi Pemberi Maklumat daripada tindakan balas, atau mana-mana tindakan yang memudaratkan akibat daripada mendedahkan kelakuan yang tidak wajar.
- 9.2 Perlindungan daripada diskriminasi bermaksud, Universiti tidak boleh bertindak balas dengan mengambil "tindakan" terhadap Pemberi Maklumat, seperti buang kerja atau penangguhan kerja, menyenarai hitam, menjatuhkan, menafikan hak kerja lebih masa atau kenaikan pangkat, disiplin, kegagalan untuk mengambil atau mengambil semula untuk berkerja, ugutan, membuat ancaman, pemberian tugas yang memberi kesan kepada prospek kenaikan pangkat dan / atau pengurangan gaji.

POLISI PEMBERI MAKLUMAT UNIVERSITI

10. Pengecualian

- 10.1 Pendedahan yang dibuat di bawah Polisi ini tidak semestinya melindungi pekerja daripada mana-mana tindakan berikutan salah lakunya atau penglibatannya di dalam aktiviti yang tidak sihat.

11. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

- 11.1 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 hendaklah diberi keutamaan jika terdapat apa-apa percanggahan antara Akta dan Polisi ini.
- 11.2 Tiada orang yang layak mendapat perlindungan akan bebas daripada sebarang tindakan balas, ugutan, gangguan, atau tindakan lain yang buruk kerana melaporkan maklumat mengikut Polisi ini. Mana-mana orang yang mendapat perlindungan jika mempercayai bahawa beliau akan menjadi subjek sebarang bentuk tindak balas terhadap pelaporannya, maka beliau hendaklah segera melaporkan perkara ini kepada Naib Canselor sebagai pelanggaran mengikut Polisi ini.
- 11.3 Mana-mana individu dalam Universiti yang membalas dendam terhadap individu yang lain yang telah melaporkan kesalahannya secara jujur atau, dengan niat yang baik serta telah bekerjasama dalam penyiasatan kesalahan, maka individu tersebut boleh dikenakan tindakan disiplin termasuk penamatan pekerjaan atau kontrak perkhidmatan.

12. Akibat Ketidakpatuhan

- 12.1 Pelanggaran Polisi ini boleh membawa kepada tindakan disiplin di bawah Akta 605.

PIHAK BERKUASA

Penjaga Polisi	Pejabat Perundangan Universiti
Pegawai Polisi Bertanggungjawab	Profesor Madya Dr. Mohamad Zailani bin Abu Bakar Ombudsman Pejabat Ombudsman
Disahkan oleh	Majlis Kelestarian Universiti
Dibangunkan pada / Dipinda pada	2019 13 November 2025
Tarikh Berkuatkuasa	22 Disember 2025
Maklumat lanjut berkaitan dasar sila hubungi	Profesor Madya Dr. Mohamad Zailani bin Abu Bakar Ombudsman Pejabat Ombudsman



Universiti Sains Malaysia

**POLISI PEMBERI
MAKLUMAT
2010
(SEMAKAN 2025)**

